

Mengolah Isu Bangsa Malaysia

BARU-BARU ini, penulis memuat naik perbahasan tentang bangsa Malaysia di media sosial bersempena dengan bulan kemerdekaan dan menjelang Hari Malaysia pada 16 September 2020. Respons yang diterima menunjukkan kefahaman rakyat terhadap bangsa Malaysia masih kurang, malah ada yang menunjukkan sikap penentangan secara terbuka.

Reaksi sedemikian pastinya agak mengejutkan kerana istilah bangsa Malaysia bukanlah baharu malah Hari Kemerdekaan juga dipopularkan sebagai Hari Kebangsaan Malaysia. Pada tahun ini, tema Hari Kebangsaan ialah “Malaysia Prihatin”.

Secara umumnya, golongan yang menentang bangsa Malaysia beranggapan seperti berikut:

1. Tidak wujud bangsa Malaysia;
2. Bangsa dan kumpulan etnik mempunyai maksud dan erti yang sama, tiada perbezaan malah perlu dilihat dari aspek antropologi;
3. Bangsa Malaysia merupakan satu kempen untuk menghapuskan bangsa Melayu, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu; dan
4. Bangsa Malaysia merupakan agenda “*Malaysian Malaysia*” yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.



Pada hakikatnya, dakwaan tersebut merupakan persepsi yang salah dan tohmahan secara melulu dalam sebuah negara persekutuan bernama Malaysia. Mereka yang menentang wujudnya bangsa Malaysia seolah-olah tidak berpijak di bumi yang nyata kerana bangsa dan kebangsaan itu ialah kewarganegaraan atau kerakyatan dalam sebuah kerajaan atau negara.

Bangsa Malaysia

Tiada pihak yang boleh menafikan kewujudan Malaysia sebagai satu bangsa apatah lagi Malaysia ialah sebuah persekutuan yang termaktub dalam Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan. Apabila Perjanjian Malaysia 1963 ditandatangani, maka lahirlah bangsa Malaysia yang dilandaskan dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, wujudnya bangsa Malaysia tidak boleh dinafikan selagi perkataan “Malaysia” wujud dalam Perlembagaan Persekutuan. Malah, hingga kini, Malaysia merupakan bangsa yang merdeka lagi berdaulat serta diakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kempen untuk menentang bangsa Malaysia merupakan gerakan yang bercanggah dengan undang-undang melainkan apabila perkataan “Malaysia” dalam Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan dipinda, maka bangsa Malaysia akan termansuh; atau apabila Perjanjian Malaysia 1963 (PM63) dibatalkan, maka tiga bangsa asal, iaitu bangsa Melayu, anak negeri Sabah dan anak negeri Sarawak kembali dengan identiti masing-masing secara bebas tanpa ikatan persekutuan.

Mereka yang menentang kewujudan bangsa Malaysia tidak berlandaskan nas undang-undang, sebaliknya terkeliru dengan takrifan sebenar antara etnik dengan bangsa. Didapati mereka mengerti akan bangsa sebagai etnik menurut kaca mata antropologi dan sosiologi, walhal

Kebebasan beragama bagi setiap warganegara dijamin di samping kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Hidup beragama menjadi teras kepada nilai kesopanan dan kesusilaan seperti yang dimasyhurkan dalam prinsip kelima Rukun Negara.

antropologi dan sosiologi ialah bidang kajian aspek kemanusiaan diri dan budaya. Bangsa yang digunakan dalam konteks Malaysia dan negara beraja bersusur galur daripada “rakyat raja”. Rakyat raja menimbulkan istilah kerakyatan dan memberikan maksud yang sama kepada kewarganegaraan. Bangsa wujud dalam kerangka kerajaan atau negara.

Sebuah negara, empayar atau kesatuan tidak tersyarat untuk dibangunkan oleh satu etnik atau satu keturunan sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak banyak negara di dunia terdiri daripada etnik tunggal. Orang Melayu sendiri merupakan kumpulan etnik, bukan etnik tunggal. Tertegaknya sesuatu negara, empayar atau kesatuan kerana adanya sistem politik yang menguruskan hal ehwal ahli komunitinya sama ada terdiri

daripada satu etnik atau kumpulan etnik. Bangsa itu merujuk negara, empayar atau kesatuan, dan begitu juga sebaliknya. Secara ringkasnya, bangsa boleh berada dalam bentuk negara, empayar atau kesatuan negeri-negeri.

Rakyat Raja Melayu

Istilah bangsa Malaysia tidak menghapuskan bangsa Melayu kerana bangsa Melayu tetap wujud hingga hari ini, tetapi suprabangsanya ialah Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana seperti yang dijelaskan, Malaysia pada hari ini terdiri daripada bangsa Melayu, anak negeri Sabah dan anak negeri Sarawak. Tiga bangsa ini bersekutu melalui PM63, maka lahirlah Malaysia, iaitu Persekutuan “Malay-sia” yang dirujuk oleh pelayar Barat sebagai gugusan kepulauan dan

tanah di Alam Melayu dalam tiga wilayah tersebut. Pada satu sisi lain, “Malay-sia” berakar pada “*Malay*”, iaitu Melayu.

Berbeza daripada etnik atau ras, etnik dan ras boleh wujud tanpa kerangka kerajaan atau negara, misalnya orang tanpa warganegara atau *stateless person*. Pada sisi lain, beberapa orang daripada etnik yang sama boleh menjadi ahli pelbagai bangsa yang berbeza-beza. Selanjutnya, seorang yang beretnik asing setelah diterima menjadi ahli bangsa kerajaan atau negara, zuriatnya mewarisi kebangsaan atau kewarganegaraan (kerakyatan) bangsa tersebut. Akan tetapi, seseorang yang beretnik Jakun misalnya, tidak boleh menjadi etnik Han melainkan jika anaknya lahir daripada pasangan orang Han, maka anaknya akan menjadi seorang Han. Etnik akan kekal tetapi seorang itu boleh bertukar bangsanya.

Begitulah halnya dengan bangsa Melayu. Misalnya, sebelum Merdeka, seseorang yang beretnik Arab boleh menjadi rakyat raja Melayu atau bangsa Melayu jika diperkenankan oleh Raja Melayu. Apabila seseorang itu sudah menjadi bangsa Melayu, anaknya akan mewarisi kebangsaan ayah atau ibunya. Dalam konteks pada hari ini, bangsa seseorang boleh terlucut atau berubah, tetapi tiada sesiapa pun boleh melucutkan etnik seseorang kerana ikatan etnik ada pada darah keturunan.

Menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, rakyat Raja Melayu terdiri daripada orang Melayu dan orang asli di Semenanjung Tanah Melayu sebagai bangsa asal serta kaum lain yang diterima sebagai warganegara atau kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu. Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 pula ditakrifkan di bawah Perkara 160 (2). Orang Melayu yang menepati takrifan tersebut menjadi warganegara melalui operasi undang-undang.

Kerakyatan dan bangsa mempunyai maksud yang sama dari sisi undang-undang kewarganegaraan. Dalam Perlembagaan Persekutuan, perihal kewarganegaraan termaktub dalam Bab III. Sebelum Hari Merdeka, terdapat undang-undang kewarganegaraan, misalnya Enakmen Kerakyatan Negeri Kedah (*Kedah Nationality Enactment*) 1952. Secara ringkasnya, sesuatu bangsa itu dari sudut sains politik dan undang-undang ditakrifkan dalam kerangka negeri atau negara. Bangsa berkerangka lebih besar daripada kumpulan etnik kerana etnik dan kumpulan etnik itu menjadi ahli komuniti dalam sesuatu bangsa, melainkan mereka yang tidak bernegara.

Sering dibangkitkan bahawa warganegara kita terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Berbeza daripada kedudukan bangsa Melayu yang membentuk suprabangsa Malaysia, bangsa Cina ialah warganegara China. Begitu juga bangsa India merupakan warganegara India. Pada hari ini, bangsa Malaysia, Cina dan India menganggotai PBB. Manakan mungkin bangsa asing, iaitu bangsa Cina dan India layak menjadi warganegara Malaysia kerana undang-undang negara kita menghalang dwikewarganegaraan. Namun begitu, etnik berketurunan Cina atau India boleh menjadi bangsa Malaysia pada hari ini jika mereka diterima sebagai warganegara Malaysia.

Jika bangsa itu tidak tersyarat dengan kerangka negeri atau negara, nescaya keanggotaan PBB berasaskan etnik dan kumpulan etnik boleh diterima. Hingga kini, kita belum melihat kaum atau kumpulan etnik, misalnya orang Han, Jakun, Malayam atau Badwi menjadi ahli PBB. Sebaliknya, mereka boleh mewakili negara masing-masing dalam PBB.

Lantaran itu, apabila seseorang mengisi borang imigresen, mereka perlu menyatakan kewarganegaraan

atau kebangsaan masing-masing. Rakyat Malaysia akan menulis “Malaysia” walaupun mereka berketurunan etnik Cina atau India. Etnik Cina dan India berwarganegara Malaysia tidak boleh menyatakan mereka berbangsa Cina atau India dalam borang imigresen kerana dalam pasport masing-masing, tertera keterangan kewarganegaraan mereka ialah Malaysia.

Berbeza daripada bangsa Melayu yang berstatus sebagai warganegara. Orang Melayu kekal dalam Perlembagaan Persekutuan dengan tafsiran di bawah Perkara 160 (2) dan merujuk rakyat Raja Melayu yang beragama Islam sebelum 1 Februari 1948. Orang Melayu hingga kini hidup dalam negara bangsa Malaysia yang mendukung elemen watan tanah air. Dari sisi Perlembagaan Persekutuan, hak dan kepentingan orang Melayu terjamin pada maksud dan istilah “orang Melayu” menurut takrifan Perkara 160 (2) dan Perkara 153, bukan pada istilah “bangsa Melayu”.

Negara Bangsa dan Kedudukan Orang Melayu

Kelahiran bangsa Malaysia tidak menghapuskan bangsa Melayu mahupun bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana jati diri bangsa Malaysia berasaskan watan Tanah Melayu, anak negeri Sabah dan anak negeri Sarawak dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh kerajaan di negeri masing-masing.

Jati diri bangsa Malaysia seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia antara lain mewajibkan setiap ahli bangsa yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, agama dan keturunan untuk mendukung prinsip seperti berikut:

1. Islam sebagai agama bagi Persekutuan;

2. Institusi beraja sebagai tonggak pemerintahan;
3. Kebebasan beragama bagi bukan Islam yang tertakluk pada peruntukan undang-undang;
4. Amalan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan;
5. Keterpeliharaan tulisan Jawi;
6. Hak dan kepentingan warganegara seperti dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh kerajaan negeri masing-masing.

Sungguhpun bangsa itu berkait rapat dengan kerangka negara, namun istilah negara bangsa mempunyai akar yang lebih kuat kerana hubungannya dengan watan sesebuah negara. Lantaran itu, terpancarlah negara bangsa yang merangkumi dua elemen, iaitu aspek kewarganegaraan dan hubungan erat dengan watan sebuah negara yang berdaulat.

Dalam kerangka kebangsaan Malaysia, Perlembagaan Persekutuan membenarkan perpaduan dalam kepelbagaian atau istilah poplarnya ialah “*unity in diversities*”.

Kepelbagaian dalam negara bangsa Malaysia terserlah melalui kebebasan beragama serta pengamalan adat resam dan budaya yang berbeza dalam kerangka undang-undang.

Sesuatu yang bersifat sejagat dalam negara bangsa Malaysia ialah kesetiaan kepada institusi beraja, amalan bahasa Melayu dan hidup beragama. Oleh hal yang demikian, bangsa Malaysia tidak boleh ditohmah sebagai kempen untuk melemahkan apatah lagi menghapuskan kedudukan istimewa orang Melayu kerana kedudukan orang Melayu sebagai kumpulan etnik dijamin oleh Perkara 153 serta peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan, misalnya Perkara 8 (5), iaitu syarat penyertaan dalam Rejimen Askar Melayu, dan Perkara 89 berhubung dengan Tanah Simpanan Melayu.

Agenda Negara Bangsa

Negara bangsa terbentuk apabila warganegara sebuah kerajaan atau negara yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik menghayati dan mengamalkan satu atau beberapa unsur watan kerajaan atau negara itu secara bersama-sama sehingga membentuk suatu rupa wajah dan nilai sejagat.

Rupa wajah dan nilai sejagat bagi sesebuah negara bangsa hadir secara warisan dan masih terpelihara dalam kerangka undang-undangnya. Pemerkasaan agenda bangsa Malaysia berlandaskan Perlembagaan Persekutuan memberikan justifikasi bagi maksud seperti berikut, iaitu:

1. Sekolah satu aliran kebangsaan Malaysia;
2. Pemerkasaan bahasa Melayu;
3. Pemartabatan tulisan Jawi;
4. Pengukuhan budaya watan Melayu, anak negeri Sabah dan Sarawak, serta kaum lain berlandaskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sebagai identiti Nasional;
5. Kelestarian unsur warisan watan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebagai cerminan jati diri bangsa Malaysia;
6. Kebebasan untuk beragama dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan menjadi tatacara hidup, bukan hidup tanpa nilai berasaskan agama seperti humanisme;
7. Menolak sebarang konsep *Malaysian* Malaysia yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh kerajaan di setiap negeri;
8. Memupuk perpaduan nasional berteraskan prinsip kedaulatan undang-undang; dan
9. Menyediakan premis pembinaan negara bangsa bersifat inklusif dan berperlembagaan.

Bangsa Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan menerima kepelbagaian dalam masyarakat majmuk. Setiap kaum masih boleh mengekalkan adat resam dan budaya masing-masing selari dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kebebasan beragama bagi setiap warganegara dijamin di samping kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Hidup beragama ini menjadi teras kepada nilai kesopanan dan kesusilaan seperti yang dimasyhurkan dalam prinsip kelima Rukun Negara.

Berpaksikan premis yang betul, negara bangsa Malaysia mampu dibina selari dengan Perlembagaan Persekutuan dan watannya lebih dihargai. Bersama-samalah kita eratkan perasaan muhibah dan saling menghormati sesama warganegara kerana kita bangsa Malaysia, iaitu bangsa Tanah Melayu dan gugusan Kepulauan Melayu yang kini dihadkan dalam kewilayahan politik semasa – Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Malaysia sebagai sebuah negara bangsa wajib mempertahankan elemen watannya seperti yang dijelaskan.

Perlu ditegaskan di sini bahawa bangsa Malaysia yang dikemukakan di sini tidak mengabsahkan konsep *Malaysian* Malaysia yang menuntut kesamarataan dan kesetaraan di luar kerangka Perlembagaan Persekutuan bagi setiap ahli bangsa. Namun begitu, bangsa Malaysia memelihara keharmonian melalui toleransi dalam kepelbagaian. Huraian sesuatu istilah perlu dilihat dalam kerangka besarnya, kerana tidak semua maksud sesuatu istilah boleh difahami secara harfiah, apatah lagi jika istilah itu menyentuh amalan undang-undang atau sistem politik semasa. □

Penulis ialah Pensyarah di Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang.